



KERAJAAN MALAYSIA

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 10 TAHUN 2005

PINDAAN IMBUHAN TETAP KHIDMAT POLIS BAGI PENOLONG PENGUASA POLIS DAN TIMBALAN PENGUASA POLIS

TUJUAN

1. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk memaklumkan keputusan Kerajaan menyelaraskan kadar Imbuhan Tetap Khidmat Polis bagi Penolong Penguasa Polis dan Timbalan Penguasa Polis.

LATAR BELAKANG

2. Kerajaan telah bersetuju menyelaraskan kadar Imbuhan Tetap Khidmat Awam bagi pegawai gred 41 dan 42 serta gred 45 dibayar atas satu kadar. Berikutan penyelarasan kadar Imbuhan Tetap Khidmat Awam tersebut Kerajaan telah menimbang dan bersetuju kadar yang ditetapkan dipanjangkan kepada Penolong Penguasa Polis dan Timbalan Penguasa Polis yang berada dalam gred yang setaraf.

KADAR BARU IMBUHAN TETAP KHIDMAT POLIS

3. Imbuhan Tetap Khidmat Polis bagi Penolong Penguasa Polis dan Timbalan Penguasa Polis adalah ditetapkan seperti berikut:

PANGKAT	KADAR SEBULAN (RM)	
	SEMASA	BARU
Penolong Penguasa Polis	170.00	300.00
Timbalan Penguasa Polis	170.00	300.00

TARIKH KUATKUASA

4. Surat Pekeliling Perkhidmatan ini berkuatkuasa mulai **1 Januari 2006**.

PEMBATALAN

5. Dengan berkuatkuasanya Surat Pekeliling Perkhidmatan ini, kadar Imbuhan Tetap Khidmat Polis bagi Penolong Penguasa Polis dan Timbalan Penguasa Polis yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1990 adalah dibatalkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(DATO' HAJI ABDUL WAHAB BIN MULAJAT)

Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Pembangunan),
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM
MALAYSIA
PUTRAJAYA

05 Disember 2005

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
Semua Ketua Jabatan Persekutuan
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun
Semua Pihak Berkuasa Tempatan